

BAB 6

PENUTUP

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneliti aspek-aspek pemaknaan dalam bidang perkamus Melayu. Ini dilakukan melalui tumpuan terhadap bahagian berbahasa Melayu **Kamus Melayu Inggeris Dewan**, iaitu kata entri dan hurai makna yang dikaji merupakan bahasa Melayu sepenuhnya.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengetengahkan amalan menghuraikan makna yang digunakan oleh projek **COBUILD**. Berdasarkan perkataan yang dipilih, iaitu perkataan *memotong* dan perkataan-perkataan yang seperangkat dengannya, didapati amalan pendefinisian **COBUILD** amat sesuai diterapkan untuk mentakrifkan sesuatu kata entri. Ini adalah kerana bentuk ini lebih mesra pengguna berbanding amalan-amalan pendefinisian yang lain. Walaupun agak sukar untuk mentakrif sesuatu kata dengan menggunakan bahasa yang sama dengan kata entri yang hendak diterangkan, didapati amalan pendefinisian **COBUILD**

amat membantu pengguna untuk mengetahui makna dan bentuk penggunaan sesuatu kata.

Berdasarkan amalan pendefinisan **COBUILD**, setiap kata entri ditakrif dalam bentuk huraian. Setiap huraian terdiri daripada satu perenggan dan setiap perenggan terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan kedudukan sebenar kata entri, manakala bahagian kedua menghuraikan makna kata entri tersebut. Didapati amalan pendefinisan seperti ini mampu untuk menunjukkan bagaimana sesuatu kata digunakan, bentuk-bentuk tipikal perkataan tersebut di samping maknanya sendiri. Contoh:

Jika pihak tertentu **memotong** bekalan air, elektrik atau talian telefon di sesuatu tempat, pihak tersebut memberhentikan kemudahan itu.

Walaupun bentuk huraian definisi seperti ini agak panjang dan memakan ruang yang banyak berbanding amalan-amalan lain, tetapi bentuk ini mampu untuk menunjukkan penggunaan sebenar sesuatu kata dalam bentuk yang tipikal. Pengguna merujuk

kamus bukan sekadar untuk mendapatkan makna sesuatu kata, tetapi kamus juga dirujuk bagi mendapatkan maklumat tatabahasa, bentuk penggunaan kata berdasarkan konteks, ejaan, sebutan dan sebagainya. Malahan bagi sesetengah kata entri, huraian definisi seperti ini mampu memuatkan maklumat-maklumat pragmatik. Justeru bentuk huraian seperti ini sekurang-kurangnya mampu memenuhi kehendak pengguna apabila merujuk sesebuah kamus. Kekangan ruang tidak merupakan hambatan besar untuk mendokumentan sesebuah kamus. Ini adalah kerana pada masa ini, kecanggihan dalam bidang teknologi maklumat membolehkan data-data dimuatkan dalam bentuk yang lebih kecil dan ringkas, iaitu dalam bentuk elektronik.

Bentuk huraian definisi ini mampu diterapkan kerana terdapatnya data korpus berkomputer. Ini merupakan satu lagi tujuan kajian ini, iaitu untuk mengetengahkan data korpus berkomputer sebagai bahan penting dalam penghasilan kamus ekabahasa. Saiz data korpus yang dikaji adalah besar, iaitu mengandungi kira-kira

30 juta perkataan. Saiz yang besar ini amat penting bagi penyusun kamus kerana daripada korpus yang besar ini seseorang penyusun dapat memilih ayat contoh yang paling sesuai daripada berpuluhan puluh ayat contoh yang terdapat di dalam korpus yang diteliti. Tambahan pula, data-data ini diperoleh daripada pelbagai sumber bahasa tulisan dan lisan. Antara sumber bahasa tulisan ialah majalah, akhbar, brosur dan buku, manakala sumber lisan daripada rakaman-rakaman yang dilakukan. Melalui data korpus ini, bukti-bukti yang digunakan untuk mentakrifkan sesuatu kata merupakan bentuk penggunaan sebenar bahasa tersebut. Malahan, ayat-ayat contoh yang dimuatkan dalam kamus merupakan ayat yang benar-benar wujud dan ini dapat mengelakkan penyusun daripada mereka-mereka sesuatu definisi atau ayat contoh. Bukti yang benar benar wujud ini memantapkan lagi kewibawaan kamus yang dihasilkan.

Kajian ini telah membuktikan bahawa data korpus berkomputer ini merupakan peranti penting untuk mentakrif sesuatu kata. Ini adalah kerana

data korpus yang dianalisis mampu menunjukkan pelbagai konteks penggunaan sesuatu kata, memberikan pelbagai ayat contoh, pertalian semantik dan sintaksis sesuatu kata. Malah, data korpus berkomputer juga dapat mengesan leksikon yang begitu cepat berkembang. Ini disebabkan pemerolehan teks, khususnya dalam bentuk tulisan, dapat dilakukan dengan cekap berdasarkan perisian-perisian tertentu.

Tujuan keempat kajian ini adalah untuk meneliti sejauh mana kolokasi dapat membantu penyusun kamus membezakan makna satu perkataan dengan perkataan yang seperangkat dengannya secara jelas. Daripada data korpus berkomputer ini, beratus-ratus baris konkordans dijana dan dianalisis. Maklumat penting yang diperoleh daripada baris-baris konkordans ialah konteks sesuatu kata. Berdasarkan konteks ini, makna sesuatu kata dapat dikesan. Ini adalah kerana konteks dalam setiap baris konkordans yang dianalisis mampu memberikan makna yang jelas tentang kebanyakan kata yang hendak ditakrif. Ini

dilakukan dengan melihat kolokasi kata yang dikaji melalui struktur sintaksisnya. Menerusi analisis konkordans secara sintagmatik dan paradigmatis, pola-pola yang berulang dan menonjol boleh dikelompok-kelompokkan. Misalnya:

662 in turun dari pelamin untuk memotong kuih pengantin. Kami berja B00069
144 penapis teh, dulang, pisau memotong kuih dan bekas buah. P B04002
88 terus menolak pisau toreh, memotong kulit pokok getah yang suda B28003
231 etelah beberapa ketika leka memotong kulit untuk menampali kasut K00037
560 ang jabatan leterik hendak memotong lampu kerana lambat membawa B00044
434 itu ia-lah hari Si-Kuning memotong leher, leher bangsa berkuli B00011
613 enyum. "Bila pula "kami na' memotong lembu. Na' beli ikan sepat B00040
318 . saya sudah tahu," Lokman memotong. "Lihat saya kan di sini? J K00543
284 tukar denyutan nadinya atau memotong limau nipis (Citrus auran K00438
117 amat atau tidak jikalau dia memotong lori tersebut. Keputusan i L02004
29 pisau yang digunakan untuk memotong roti itu. "Ya mak da. K00145
35 sebelah petang pulak pergi memotong rumput untuk lembu tu." Za K00156
164 yapu sampah, menanam pokok, memotong rumput, membelah kayu dan B04005
559 i-charia upah membelah kayu, memotong rumput, mengangkat pasir a B00044
103 manusia atau jentera untuk memotong rumput Namun begitu ada du T08007
596 engan 11 orang rakan2 saya memotong rumput Pekerjaan yang kami B00115

Berdasarkan analisis seperti yang di atas, terbukti kolokasi amat membantu penyusun memperoleh makna sesuatu kata. Contohnya antara makna 7 dan 8 bagi perkataan *memotong*. Makna 7 membawa maksud untuk mendapatkan susu getah, manakala makna 8 membawa maksud untuk mendapatkan hasil padi yang telah masak. Kedua-dua makna ini dapat dikesan dan dibezakan dengan cara melihat perkataan yang berkolokasi dengan *memotong*. Untuk makna 7, didapati perkataan yang berkolokasi dengan *memotong* ialah *getah*, *kulit pokok*, dan *pisau toreh*. Bagi makna 8 pula, kata yang

berkolokasi dengan perkataan *memotong* ialah *padi*, *batang padi*, *penyabit* dan *mesin*. Ini menunjukkan bahawa kolokasi yang terdapat pada setiap baris konkordans membolehkan penyusun mengesan dan membezakan makna sesuatu kata dengan jelas. Malahan, kolokasi yang dipaparkan dalam huraian definisi dapat membimbang pengguna memilih bentuk kata yang sesuai digunakan untuk sesuatu perkataan. Ini berdasarkan bentuk tipikal yang dimuatkan di dalam sesuatu definisi.

Perkataan yang seperangkat juga dapat dibezaikan dengan melihat kolokasi sesuatu perkataan. Misalnya perkataan *memotong* dan *mengerat*. Berdasarkan analisis terhadap baris-baris konkordans, perkataan *memotong* dapat dipecahkan kepada 22 makna, manakala perkataan *mengerat* dapat dipecahkan kepada 3 makna sahaja. Walaupun kedua-dua perkataan ini hampir sama tetapi persamaannya tidaklah sepenuhnya. Kajian ini menunjukkan bahawa perkataan *memotong* hanya sama dengan perkataan *mengerat* apabila keduanya berkolokasi dengan perkataan seperti

beluti, kayu, tali, pisau dan parang untuk membawa maksud memutuskan sesuatu kepada bahagian yang lebih kecil. Tetapi apabila memotong berkolokasi dengan perkataan *adegan, babak, berita-berita, teks, RTM, LPFM, TV3* dan *penyunting*, perkataan ini tidak dijumpai berkolokasi dengan perkataan mengerat.

Ini menunjukkan bahawa setiap perkataan mempunyai persekitaran linguistiknya yang tersendiri dan berbeza dengan perkataan lain walaupun kedua-dua perkataan itu hampir sama. Penelitian terhadap kolokasi ini juga dapat mengelakkan penyusun kamus, khususnya penyusun kamus ekabahasa, daripada terlalu kerap menggunakan sinonim apabila mentakrifkan sesuatu kata. Ini disebabkan sinonim sesuatu kata hanyalah khusus pada konteks tertentu sahaja (Hasan Baseri Budiman, 1995).

Kajian ini juga membuat perbandingan makna yang diperikan oleh **KD3** dengan makna yang diperikan berdasarkan **APC**. Ini memenuhi tujuan

kelima kajian ini. Berdasarkan kajian ini didapati umumnya bentuk huraian makna dalam **KD3** dan **APC** agak berbeza. Huraian makna **APC** lebih panjang dan terdapat satu pola huraian sahaja untuk mentakrifkan sesuatu kata, manakala huraian makna **KD3** pendek dan ringkas serta terdapat pelbagai pola digunakan bagi mentakrifkan sesuatu kata.

Huraian makna yang agak panjang menunjukkan bahawa amalan pendefinisiyan **APC** mampu menghuraikan sesuatu kata dengan jelas berbanding **KD3**. Ini disebabkan **APC** memberikan maklumat yang lengkap yang diperlukan untuk menghuraikan sesuatu kata entri. Kajian ini juga menunjukkan bahawa **APC** mampu menghasilkan pecahan makna yang lebih banyak dan takrifan yang lebih tepat berbanding **KD3** kerana **APC** yang berasaskan data korpus berkomputer mampu mengesan pelbagai makna. Berbanding dengan **KD3**, yang menggunakan data korpus dalam bentuk kad, jumlah data korpus yang dijadikan bahan bukti untuk mengesan makna adalah jauh lebih kecil. Ini menyebabkan sukar bagi **KD3** untuk mengesan sesuatu

makna dan memaparkan bentuk-bentuk tipikal sesuatu kata.

Akhir sekali, kajian ini juga bertujuan bagi membuka ruang kepada pengkaji-pengkaji lain untuk membuat penyelidikan lanjut dalam bidang leksikografi Melayu, khususnya aspek pemaknaan. Kajian-kajian terhadap bidang ini diharapkan akan dapat meningkatkan lagi mutu kamus Melayu setanding dengan kamus-kamus lain di dunia.